

Bab 10

SEJARAH TARIQAH DAN PERKEMBANGANNYA DI MASA KINI

HAKIKAT KEJADIAN MANUSIA

Secara ilmiah yang bersandarkan wahyu Allah swt melalui Al Quran dan As Sunnah, Islam membentangkan kepada kita bahawa manusia dicipta daripada adunan dua unsur. Unsur pertama dan utama adalah dari alam arwah atau alam rohani. Firman Allah s.w.t.:

ثُمَّ سَوَّاهُ وَنَفَخَ فِيهِ
 مِنْ رُوحِهِ ۗ وَجَعَلَ لَكُمُ السَّمْعَ وَالْأَبْصَارَ وَالْأَفْئِدَةَ قَلِيلًا
 مَّا تَشْكُرُونَ

Kemudian Dia menyempurnakan dan meniupkan ke dalam (tubuh)nya ruh (ciptaan)Nya dan Dia menjadikan bagi kamu pendengaran, penglihatan dan hati; (tetapi) kamu sedikit sekali bersyukur.

(As Sajdah 32:9)

Unsur kedua yang merupakan kejadian daripada alam syahadah adalah unsur jasmani atau unsur kebumian. Proses kejadian itu dengan jelas diterangkan dalam al Quran:

وَاللَّهُ خَلَقَكُمْ مِنْ تُرَابٍ ثُمَّ مِنْ نُطْفَةٍ ثُمَّ جَعَلَكُمْ أَزْوَاجًا

“Dan Allah mencipta kamu dari tanah kemudian dari air mani, kemudian Dia jadikan kamu berpasangan (lelaki dan perempuan).

(Faathir 35:11)

Peniupan roh oleh Allah dari ruh ciptaanNya itu adalah suatu keistimewaan yang hanya ada pada penciptaan manusia, sama ada penciptaan Nabi Adam as sebagai bapa manusia tanpa ibu dan bapa, isterinya tanpa ibu, Nabi Isa as yang beribu tanpa bapa ataupun manusia biasa yang beribu dan bapa. Peniupan roh seperti ini tidak disebut atau diisyaratkan sedikit pun dalam Al Quran pada kejadian selain manusia, sekalipun penciptaan malaikat.

Keistimewaan itu sudah selayaknya diberi perhatian dalam memahami hakikat kejadian manusia. Sudah pasti ada sesuatu hubung-kait peniupan roh itu dengan pengangkatan kedudukan manusia oleh Allah swt sebagai KhalifahNya di muka bumi ini. Kedudukan yang sedemikian tinggi dan pelaksanaan tanggungjawab amanah dan risalah yang amat berat itu tidak mungkin terpikul tanpa ada sesuatu daya kekuatan yang khusus dan istimewa. Sumber kekuatan itu telah diisyaratkan oleh Allah swt dalam peniupan dari Roh ciptaanNya pada mula kejadian manusia.

Ada sedikit perbincangan di kalangan ulama sama ada roh yang dimaksudkan itu merangkupi nyawa atau ia merupakan sumber tersendiri. Walaubagaimana pun yang jelas roh itu memiliki sesuatu keistimewaan dan keunikan daya yang perlu dipupuk potensinya.

Secara ilmiah mahupun logika, unsur jasmani atau kebumian itu merupakan unsur yang salbi atau negatif. Sementara unsur roh atau kerohanian dalam kejadian manusia merupakan unsur ijabi

atau positif. Dengan lain kata, unsur jasmani itu bersifat rendah dan menurun, sementara unsur rohani memiliki kemuliaan dan berupaya mencapai ketinggian.

Kepaduan dua unsur tersebut melahirkan satu lagi unsur yang dikenali sebagai *nafs*. Pada fitrahnya unsur *nafsani* bersifat jujur dan taqwa. Unsur inilah yang memerlukan penjagaan, pengawalan dan pendidikan kerana pengaruhnya membentuk identiti kemanusiaan yang hakiki. Unsur *nafsani* tersebut akan menerima kesan dari pengendalian dan tarikan unsur jasmani yang rendah dan unsur rohani yang bersifat mulia.

Daripada ketiga-tiga unsur itu terciptalah suatu makhluk yang dikenali sebagai manusia atau insan. Tersepadu dalam ciptaan manusia dua unsur. Insan *nafsani* itulah hakikat diri kita yang hakiki, ia kekal selepas kehancuran unsur jasmani. Di samping itu unsur jasmani kita berfungsi sebagai wadah acuan yang menampung insan *nafsani*.

Oleh kerana insan *nafsani* inilah yang mengisi hakikat diri insan yang hakiki dan bersifat kekal selepas mati, maka dialah yang bertanggungjawab menghadapi ujian Allah *swt* atau *ibtala'ullah* menerusi pelaksanaan 'ubudiyah atau pengabdian. Dialah yang menerima hidayah dan panduan dalam menjalani ujian tersebut. Dialah yang sentiasa diberi nasihat, peringatan, amaran dan ancaman supaya tidak lalai dari tanggungjawab 'ubudiyah tersebut. Seterusnya dialah yang menerima janji nikmat yang abadi dan hakiki bagi yang berjaya menghadapi 'ibtala'ullah dan melaksanakan pengabdiannya kepada Allah *swt*. Selain dari kelengkapan berupa unsur kerohanian pada peribadi insan tadi, Allah *swt* menyediakan bagi makhlukNya yang istimewa itu dengan jalan yang menjuruskan kepada Hidayah-Nya. Itulah tujuan pengutusan para RasulNya iaitu untuk melahirkan para waris di muka bumi ini dalam setiap peringkat perkembangan manusia sebagai wasilah-Nya yang *tabi'i*. Merekalah pembantu-pembantu Allah *swt* demi untuk menjadi petunjuk dan pemandu, penjelas dan penerang, penasihat dan

pengingat, penawar dan pengubat kepada manusia dalam usaha membuktikan keimanan setelah diperlakukan ujian Allah *swt*.

Oleh kerana itulah, salah satu ciri penting dalam risalah kenabian dan kerasulan para Nabi terutama Nabi Muhammad *saw* ialah penyucian diri nafsani atau penjernihan hati. Sekiranya insan jasmani itu menerima penyempurnaan rupa bentuk, insan nafsani juga berupaya mencapai penyempurnaan melalui **at-Taswiyyah**. Insan nafsani mempunyai suatu anggota yang menjadi markas kepada kegiatan-kegiatan anggota-anggota lain yang bersifat rohani. Jelasnya pemusatan insan nafsani dan anggota-anggotanya ialah pada al Qalb atau hati rohani.

Hati rohani yang bersifat batin dan halus itulah yang dihiasi sama ada dengan iman atau dikotori dengan kekufuran. Allah *swt* menjelaskan pembangunan hati itu seperti berikut:

وَأَعْلَمُوا أَنَّ فِيكُمْ رَسُولَ اللَّهِ لَوْ يُطِيعُكُمْ فِي كَثِيرٍ مِنَ الْأَمْرِ لَعَنِتُّمْ
وَلَكِنَّ اللَّهَ حَبَّبَ إِلَيْكُمُ الْإِيمَانَ وَزَيَّنَهُ فِي قُلُوبِكُمْ وَكَرَّهَ إِلَيْكُمُ
الْكُفْرَ وَالْفُسُوقَ وَالْعِصْيَانَ أُولَئِكَ هُمُ الرَّاشِدُونَ

“Dan ketahuilah oleh kamu bahawa di kalangan kamu ada Rasulullah, kalau ia menuruti (kemahuan) kamu dalam beberapa urusan benar-benarlah kamu akan mendapat kesusahan tetapi Allah menjadikan kamu cinta kepada keimanan dan menjadikan iman itu indah dalam hatimu serta menjadikan kamu benci kepada kekafiran, kefasikan dan kedurhakaan. Mereka itulah orang-orang yang mengikut jalan yang lurus.”

(Al Hujurat 49:7)

ذَلِكَ وَمَنْ يُعْظِمِ شَعْبِرَ اللَّهِ فَإِنَّهَا مِنْ تَقْوَى الْقُلُوبِ

“Demikianlah (perintah Allah). Dan barangsiapa mengagungkan syi’ar-syi’ar Allah, maka sesungguhnya itu timbul dari ketaqwaan hati.”

(Al Hajj 22:32)

Menurut pandangan Islam, al Qalb mengambil peranan yang penting dalam segala kegiatan hidup manusia dalam pembinaan dan pengekalan tamadun Islam yang sebenar. Segala bentuk dan corak kegiatan dalam hidup manusia pada hakikatnya adalah kesan daripada hati rohaninya. Kebaikan, kesejahteraan, kedamaian dan keberkahan dalam kehidupan umat manusia dan tamadunya adalah hasil daripada keimanan dan ketaqwaan mereka kepada Allah swt. Sebaliknya kefasadan yang berlaku di atas muka bumi ini adalah hasil dari hati-hati yang diserapi dengan sifat kekufuran dan kefasikan. Bersesuaian dengan itu, salah satu ciri asas dan penting daripada tugas kenabian dan kerasulan ialah tugas pembersihan atau penyucian diri nafsani atau penjenihan hati. Tidak ada dari golongan manusia betapa agung sekalipun kebijaksanaannya layak memikul tugas tersebut selain dari para Nabi dan Rasul serta para warisnya. Merekalah golongan yang tepat diumpamakan sebagai tabib dan penawar hati manusia dari segala penyakitnya; yang tersimpul dalam kekufuran, kemunafikan, kefasikan dan kedurjanaan. Di sinilah terletaknya asas kepimpinan iaitu ia melepasi keperluan yang bersifat kebendaan kerana tujuan hakiki hidup ini adalah pembangunan rohani yang suci. Kemampuan pencapaiannya pula tidak berupaya dimiliki selain dari mereka yang menjadi pilihan Allah swt yang dianugerah kelengkapan ilmu, amal dan pengalaman yang benar-benar dilalui dan dihasilkan melalui perjuangan gigih yang bersandarkan kemuliaan rohani.

Dunia dan tamadunya, iaitu tamadun yang dipadati dengan kedamaian dan kesejahteraan yang melimpahkan naungan rahmat

di dunia dan kebahagiaan di akhirat, tidak akan terlaksana dengan sebenarnya selagi hati manusia dirosakkan oleh penyakit-penyakit. Demikian juga umat Islam yang mengharapkan pembangunan semula tamadunya, tidak akan terbina sekiranya tuntutan kerohanian atau penyucian hati itu terus diabaikan.

Berdasarkan hakikat hati inilah kesejahteraan dan kesengsarannya akan dapat dirasai. Ia hanya melalui wasilah yang *tabi'i* iaitu proses tazkiyyah dan tasfiyyah (pembersihan hati dari sifat-sifat yang rendah dan hina untuk dihiasi dengan sifat-sifat yang tinggi dan mulia). Ia juga sebagai prinsip sistem akhlak dan sistem hidup kerohanian. Kedua-dua bidang tersebut bertitik-tolak daripada 'aqidah Islam. Akhlak yang bersumberkan 'aqidah Islam adalah akhlak yang dapat menghasilkan sifat-sifat Rabbaniyyah dalam diri manusia. Sistem hidup kerohanian yang bersumberkan 'aqidah Islam adalah sistem amaliyah untuk memudahkan perjalanan menuju Allah *swt*. Perjalanan menuju Allah *swt* adalah perjalanan hati rohani melalui usaha penyempurnaan diri sebagai manusia hakiki.

SUFI DAN TASAWUF

Asal usul istilah Sufi telah menarik pelbagai makna dan pengertian oleh para ulama, ahli sejarah dan para akademik, yang dihubungkan dengan beberapa insiden sejarah. Tidak mungkin dapat dibincangkan secara rinci semua interpretasi itu dalam kertas kerja ini. Pengertiannya akan disentuh secara ringkas dan hanya meliputi bahagian-bahagian yang penting.

Di antaranya, ia mungkin berasal dari perkataan *sufah* yang sudah dikenal sebelum Islam sebagai gelaran yang diberi kepada seorang anak Arab yang salih yang selalu mengasingkan diri di Ka'abah dalam usaha mendekatkan diri kepada Tuhannya. Mungkin juga berasal dari perkataan *safa* yang bererti bersih dan suci. Dikaitkan juga dengan perkataan *suffah*, nama suatu ruang berandah dalam Masjid Nabawi yang digunakan oleh sekumpulan sahabat, *Ahlus Suffah*, untuk beribadah, dan di mana Rasulullah

saw yang menyampaikan ajaran kepada para sahabatnya. Mungkin juga dari perkataan *suf* yang berarti bulu kambing yang biasanya menjadi bahan pakaian orang-orang Sufi yang berasal dari Syria. Saidina Umar al Khattab menceritakan bahawa Rasulullah *saw* pernah memakai baju *suf*. *Suf* itu kemudian menjadi pakaian kebiasaan orang-orang Sufi dan seakan-akan lambang mereka. Ia dikatakan begitu sederhana hingga melambangkan kezuhudan dan kerendahan hati atau pencegahan dari sifat *riya'*.

Apapun sejarah perkataan itu, akhirnya ia menjadi nama bagi golongan yang mementingkan kebersihan hidup bathin.

Sebenarnya terdapat definisi yang lebih murni dan membawa kepengertian yang lebih berkesan terhadap istilah sufi itu. Para sufi sebagai penghayat tarekat telah mengemukakan makna yang lebih murni hasil dari takarrub mereka ke hadrat Allah *swt* sepertimana terdapat di contoh berikut:

Abu Bakar Al Kittani (w. 233H) berkata: "Tasawuf adalah moral. Maka barangsiapa yang mempunyai moral yang terpuji, maka semakin jernihlah hatinya" dan "Tasawuf adalah kejernihan dan penyaksian."

Ketika Abu Muhammad Al Jahiri (w. 311H) ditanya tentang tasawuf, maka ia menjawab: "Masuk dalam setiap moral yang luhur dan keluar dari setiap moral yang rendah."

Abu Said Al Kharraz (w. 268H) ketika ditanya tentang siapa orang sufi itu, maka ia menjawab: "Orang yang dijernihkan hati sanubarinya oleh Tuhannya dan telah dipenuhi dengan cahaya. Dan orang yang merasakan kenikmatan dengan zikir Allah s.w.t."

Jaffar Al Khalidi (w. 348H) berkata: "Tasawuf itu memusatkan jiwa dalam beribadah dan keluar dari kemanusiaan serta memandang pada Al Haq secara menyeluruh."

Baik golongan Sufi atau bukan, semuanya bersetuju bahawa penyelesaian untuk memperbaiki keadaan itu tidak akan tercapai dengan sempurna melalui kehidupan zahir, kerana kepatuhan kehidupan zahir itu hanya merupakan gambaran atau akibat dari kehidupan manusia yang digerakkan oleh nafsu, akal dan kegiatan. Jika ketiga-tiga perkara itu seimbang kekuatannya, maka hidup manusia itu menjadi normal. Tetapi jika salah satu daripadanya melebihi yang lain, maka keseimbangan itu akan terjejas dan hidup manusia tidak lagi normal. Dengan lain perkataan, perdamaian itu adalah perseimbangan, jika perseimbangan itu tidak terdapat, maka terjadilah pertentangan kepentingan antara peribadi seorang manusia dengan manusia lain.

Golongan Sufi berpendapat ketiga-tiga pokok penggerak hidup rohani manusia itu sebenarnya berasal dari satu jua, iaitu nafsu. Inilah yang menggiatkan kehidupan manusia, bahkan sering juga menumbuhkan dua kerusuhan dunia, iaitu kekufuran terhadap Tuhan dan cinta diri yang berlebihan. Atas dasar inilah, ajaran Sufi menginginkan pengawalan dan pendidikan nafsu sehingga sampai kepada pencapaian kekuatan jiwa. Ahli Sufi yakin bahawa nafsu itulah yang sebenarnya menyebabkan keinginan mencari kekayaan, makanan dan minuman yang sedap, memburu nama, kedudukan, pangkat dan kekuasaan yang semuanya menghalakan kepada perbalahan dan perpecahan. Dalam mengajar akhlak kepada manusia ditekankan usaha melepaskan diri daripada keserakahan dunia. Lapar umpamanya bagi orang Sufi mempunyai nilai ketinggian dalam pendidikan rohani, kerana kekenyangan baginya menyebabkan manusia lupakan Tuhan, dan menimbulkan atau menguatkan nafsu untuk mencari kekayaan dunia. Abul Qasim Junaid al Baghdadi, salah satu tokoh Sufi yang terbesar menjelaskan bahawa golongan Sufi tidak mengambil tasawuf daripada fikiran dan pendapat orang, tetapi mereka ambil dari menahan lapar dan meninggalkan kecintaan terhadap dunia, mengikut segala yang diperintah dan meninggal segala yang dilarang. Dari latihan rohani itu, berkembang suatu sistem pendidikan etika atau budi pekerti yang

tersusun dari tiga dasar. Pertama mengosongkan diri dari sifat-sifat tercela dan *takhalli*. Kedua mengisi kembali atau menghiasi jiwa manusia dengan sifat-sifat terpuji, yang mereka istilahkan *tahalli*. Kemudian yang ketiga ialah *tajalli* iaitu meresapkan rasa ketuhanan.

Dalam pendidikannya, orang Sufi mendahului dengan latihan menjauhkan diri dari maksiat sama ada zahir mahu pun batin, dan diikuti dengan melakukan segala ketaatan. Sesungguhnya, usaha menjauhkan diri daripada maksiat atau meninggalkan segala larangan Tuhan itu lebih sukar daripada mengerjakan ketaatan atau amal kebajikan. Imam al-Ghazali menerangkan bahawa dalam agama itu ada dua dasar pendidikan, pertama meninggalkan segala larangan Allah *swt*, dan kedua mengerjakan segala amal kebajikan yang diperintahkan. Untuk mentaati segala perintah mengerjakan kebajikan atau amal ibadat, tiap orang sanggup sekadar kuasanya, tetapi meninggalkan syahwat tidaklah berupaya dikerjakan oleh sebarang orang.

Di peringkat dasar, harus dijauhkan segala kejahatan zahir yang dapat dilakukan oleh anggota-anggota badan seperti mata, telinga, mulut, tangan, kaki, perut dan kemaluan. Itulah sebabnya mata itu harus digunakan melihat hal-hal yang tidak haram, telinga untuk mendengar bacaan al Quran dan Hadis bukan mendengar umpatan dan fitnah, lidah untuk mengucap zikir, istighfar, membaca al Quran dan sebagainya, tidak untuk menghasut dan berdusta, selanjutnya menjaga agar perut diisi dengan barang-barang yang halal, tidak dengan yang haram, kemaluan pula dikendalikan daripada segala kejahatannya, tangan dihindari dari membunuh, memukul orang, mencuri atau memegang sesuatu yang haram, begitu juga kaki hanya digunakan untuk pergi menuntut ilmu dan mengerjakan ibadat. Imam al Ghazali menganggap pencemaran nikmat dan amanah Allah *swt* itu adalah kejahatan dan kedurhakaan yang besar. Lalu menjadi kewajipan bagi manusia memelihara dan mengambil faedah sedapat mungkin daripada nikmat dan amanah Allah *swt* itu.

Lebih penting dari itu adalah perbicaraan tentang menjauhkan diri dari maksiat batin yang amat diperhatikan oleh golongan Sufi dalam sistem pendidikannya. Usaha dalam ke arah pengosongan batin dari sifat-sifat tercela itu merupakan latihan awal untuk membolehkan murid-murid tarekat meningkatkan diri agar mudah diserapi dengan sifat-sifat terpuji, dan terus menuju ke matlamat tajalli.

Tasawuf bukanlah sesuatu yang terasing dari ajaran Islam, malah ia adalah dari Islam itu sendiri yang diilhamkan dari prinsip-prinsip yang terwahyu dalam al Quran dan as Sunnah. Walaupun ada sesetengah penulis Barat yang cuba mengaitkan perkembangan, asal dan pembangunan ilmu Tasawuf itu dengan sumber-sumber Nasrani dan falsafah-falsafah di luar Islam, hanya kerana terdapat sedikit persamaan kebiasaan tidak bererti apa yang datang kemudian itu berpunca dari apa yang terdapat di masa terdahulu. Tasawuf bukanlah suatu perkembangan bahawa dan terasing dari Islam kerana benih Tasawuf itu tidak akan tersemai tanpa al Quran.

Abul Qasim Junaid al Baghdadi berkata: "Bahawa semua Tariqah (Tasawuf) itu tidak akan berhasil jika tidak dilakukan sepanjang ajaran Nabi yang merupakan sumber Tariqah."

Hidup kerohanian itu adalah hidup yang ditetapkan oleh Allah swt ke atas Rasul Pilihan-Nya, Nabi Muhammad saw. Seluruh kehidupan Rasulullah s.a.w. itu merupakan pendidikan, perkembangan dan penghayatan kerohanian. Demikian pula jalan para sahabat yang menyaksikan kehidupan Rasulullah s.a.w. dan menerima pengajaran daripada beliau. Tetapi di zaman Nabi Muhammad saw memang belum terkenal nama Tasawuf sebagai suatu cabang ilmu pengetahuan yang berdiri sendiri. Begitu juga dengan cabang-cabang ilmu yang lain seperti Ilmu Fiqh, Ilmu Tauhid, Ilmu Tafsir, Ilmu Hadis dan sebagainya.

Setelah kemajuan ilmu yang dipelopori oleh Islam berkembang pesat dan berbagai cabang ilmu mula dibangunkan

secara sistematis, dan pada abad kedua hijriah, ilmu kerohanian itu pun mula dilaksanakan dengan teratur dan berkesan sehingga dikenal dengan nama Ilmu Tasawuf.

Terdapat tiga kesimpulan dalam kehidupan Islam yang mencakup keseluruhan bidang dasar ilmu. Ketetapan ini dihidangkan Allah swt dalam satu peristiwa yang dapat kita nukil dari Saidina Umar al Khattab ra :

“Pada suatu hari, ketika kami (para sahabat Nabi) sedang bersidang bersama Nabi saw tiba-tiba masuk dalam ruangan sidang seorang lelaki sangat putih pakaiannya, rambutnya hitam dan seorang pun di antara kami tidak ada yang mengenal tamu itu. Terus duduk di muka Nabi, kedua tangannya diletakkan ke atas kedua paha Nabi dan selanjutnya tamu itu berkata-kata dengan Nabi, seraya tamu itu bertanya: Ya Muhammad, coba jelaskan kepada saya:

1. Tentang Islam:

Nabi pun menjelaskan tentang Islam, ialah bahawa engkau naik saksi bahawa tiada tuhan yang disembah melainkan Allah dan bahawa sesungguhnya Muhammad Pesuruh Allah, mengerjakan solat, mengeluarkan zakat, berpuasa pada bulan Ramadhan dan naik Haji ke Baitullah bila ada kemampuan berjalan ke sana. Tamu itu mengatakan benar sekali. Selanjutnya tamu itu bertanya lagi, coba jelaskan kepada saya:

2. Tentang Iman

Nabi pun menjelaskan tentang iman, iaitu bahawa engkau percaya adanya Allah, Malaikatnya, Kitabnya, Rasul-Rasul-Nya, Hari Kemudian dan Ketentuan yang baik dan yang buruk semuanya dari Allah. Selanjutnya tamu itu bertanya lagi:

3. Tentang Ihsan

Nabi pun menjawab bahawa Ihsan itu ialah engkau menyembah Allah seakan-akan engkau melihatnya, maka

apabila engkau tidak melihatnya, maka sesungguhnya Allah melihat engkau. Setelah tamu itu pergi, maka para sahabat masih tinggal menantikan hasil perbincangan itu, lalu Nabi bersabda: Ya Umar apa kalian tahu siapa itu tamu yang bertanya? Para Sahabat Nabi berkata: Allah dan RasulNya yang lebih mengetahui. Maka Nabi bersabda: Itulah tadi Jibrail 'alaihissalam, sengaja datang untuk maksud mengarjakan kesimpulan dari pokok-pokok agamamu. (HR Muslim).

Hadis ini sangat agung dan merupakan pokok dari pokok-pokok agama Imam Tajuddin Assubky mengatakan agama pada hakikatnya terdiri dari:

- Ilmu Fiqh (Ilmu Hukum Islam) dan inilah yang diisyaratkan "Islam".
- Ilmu Usuluddin (Ilmu Tauhid), inilah yang diisyaratkan "Iman".
- Ilmu Tasawuf (Tarekat) inilah yang dimaksudkan "Ihsan".

Dalam pada itu Imam Malik meringkaskan jalan fikiran ini dengan pendapatnya:

"Barangsiapa berfiqh sahaja tanpa bertasawuf nescaya berlaku fasik. Dan barangsiapa yang bertasawuf tanpa berfiqh nescaya dia menjadi golongan zindiq. Dan barangsiapa yang melakukan kedua-duanya nescaya dia menjadi golongan Islam yang hakiki".

Justeru, Ilmu Tasawuf itu mempunyai fungsi penting dalam lingkungan kehidupan manusia Muslim. Ia berperanan sebagai tunggak yang menyokong Syar'iah, bahkan membantu meningkatkan mutu ubudiyah dalam pelaksanaan menepati tuntutan Syar'iah.

ERTI TARIQAH

Tariqah ertinya jalan atau petunjuk dalam melakukan sesuatu ibadah sesuai dengan ajaran yang ditentukan dan dicontohkan oleh Nabi Muhammad saw dan dikerjakan oleh sahabat dan tabi'in, turun temurun sampai kepada guru-guru, sambung-menyambung dan rantai-berantai. Guru-guru yang memberi petunjuk dan memimpin itu dinamakan Mursyid yang mempunyai tugas khusus mendidik dan memimpin murid-muridnya setelah memberi mereka ijazah bersesuaian dengan peraturan dan silsilahnya:

وَأَلُو اسْتَقَمُوا عَلَى الطَّرِيقَةِ لِأَسْقَيْنَهُمْ مَاءً غَدَقًا

“Dan bahawasanya; jikalau mereka tetap berjalan lurus di atas jalan itu (agama Islam), benar-benar Kami akan memberi minum kepada mereka air yang segar.”

(Al Jin 72:16)

Ilmu Tasawuf menjelaskan Syar'iat itu merupakan peraturan, Tarekat itu perlaksanaan, Hakikat itu merupakan keadaan dan Ma'rifat itu adalah tujuan yang terakhir. Dengan lain perkataan Sunnah itu harus dilakukan dengan tarekat.

Sesungguhnya ini bukanlah bererti Al Quran itu tidak lengkap atau As Sunnah dan ilmu fiqh itu tidak sempurna. Tetapi masih ada penjelasan lanjut dan bimbingan lebih teratur, agar perlaksanaan segala peraturan-peraturan Tuhan dan Nabi saw dapat dilakukan dengan benar dan semestinya, tidak mengikut tangkapan akal orang yang hanya membaca sahaja dan melakukan sesukanya. Sheikh Bahaudin an Naqsyabandi berkata bahawa syar'iat itu segala apa yang diwajibkan, dan hakikat itu segala yang dapat diketahui. Syar'iat tidak boleh terlepas daripada hakikat dan hakikat itu tidak boleh terlepas dari syar'iat.

Sebagai contoh dapat kita sebutkan, thaharah atau bersuci, menurut syar'iat dilakukan dengan air atau tanah, tetapi ada

tingkat yang lebih tinggi dengan tidak keluar dari garis syar'iat bahkan lebih menyempurnakan, iaitu melakukan thaharah secara tariqah, dengan membersihkan diri kita daripada nafsu tercela sehingga kebersihan itu dilakukan secara hakikat, iaitu mengosongkan hati daripada segala sesuatu yang bersifat selain Allah.

Maka bagaimanapun perselisihan pengertian, tidak dapat tidak kita akui bahawa semua syar'iat itu hakikat, dan semua hakikat itu syar'iat pada dasarnya. Syar'iat disampaikan dengan perantaraan Rasulullah saw dan hakikat itu maksud yang terselip di dalamnya, meskipun merupakan sesuatu yang tidak diperolehi dengan perintah. Syar'iat diumumkan dengan pekerjaan-pekerjaan yang wajib dilakukan dan pekerjaan-pekerjaan yang terlarang yang harus di jauhi, sedangkan dengan hakikat kita diajarkan membuka dan mengenal rahsia-rahsianya yang tersembunyi. Apabila rahsia ini sudah kita kenal, kita akan kenal pula Penciptanya, iaitu Allah. Jadi syar'iat dan tariqah itu tidak lain daripada mewujudkan pelaksanaan ibadah dan amal, sedang hakikat itu memperlihatkan hal dan rahsia tujuan.

Kerap kita bertemu dalam ilmu fiqh sesuatu hukum itu dapat dilaksanakan dengan tiga cara. Mengikut istilah sufi, dalam syar'iat ada tiga macam tarekat untuk mencapai tujuannya. Misalnya Nabi saw membasuh tangan dalam wudhu, ada satu kali, pernah dikerjakan dua kali dan begitu juga tiga kali dengan ada keterangannya mengenai ketiga-tiga cara itu. Demikian juga dengan peraturan-peraturan yang lain, seperti keyakinan tauhid, membersihkan diri dan mempertinggikan mutu akhlak.

Oleh kerana itulah Nabi saw selalu memberi jawapan yang berlainan bila ditanya oleh para sahabat manakah jalan atau thuruq yang sedekat-dekatnya menuju kepada Allah swt. Misalnya mengenai taqarrub menebalkan keyakinan kepada Tuhan, yang dikemukakan oleh Saidina Ali karramallahu wajhahu kepada Rasulullah saw.

أَنْ عَلِيًّا كَرَّمَ اللَّهُ وَجْهَهُ سَأَلَ النَّبِيَّ ﷺ : بِقَوْلِهِ : يَا رَسُولَ
 اللَّهِ . . . دَلَّنِي عَلَى أَقْرَبِ الطَّرِيقِ إِلَى اللَّهِ وَأَسْهَلِهَا عَلَيَّ
 عِبَادِهِ، وَأَفْضَلِهَا عِنْدَهُ تَعَالَى . فَقَالَ النَّبِيُّ ﷺ : عَلَيْكَ
 بِمُذَاوِمَةٍ ذَكَرَ اللَّهُ سِرًّا وَجَهْرًا . فَقَالَ عَلِيٌّ : كُلُّ النَّاسِ
 ذَاكِرُونَ فَخُصِّنِي بِشَيْءٍ . قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ : أَفْضَلُ
 مَا قَلْتُهُ أَنَا وَالنَّبِيُّونَ مِنْ قَبْلِي : لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ . وَلَوْ أَنَّ
 السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِينَ فِي كِفَّةٍ، وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ فِي كِفَّةٍ
 لَرَجَحَتْ بِهِنَّ، وَلَا تَقُومُ الْقِيَامَةُ وَعَلَى الْأَرْضِ مَنْ
 يَقُولُ : لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، ثُمَّ قَالَ عَلِيٌّ : فَكَيْفَ أَذْكَرُ؟ قَالَ
 النَّبِيُّ ﷺ : غَمَّضَ عَيْنَكَ وَاسْمَعْ مِنِّي، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
 ثَلَاثَ مَرَّاتٍ ثُمَّ قَلْبُهَا ثَلَاثًا وَأَنَا أَسْمَعُ، ثُمَّ فَعَلَ ذَلِكَ
 بِرَفْعِ الصَّوْتِ

Sesungguhnya Ali karramallahu wajhahu bertanya kepada Nabi Muhammad saw dengan pekataannya: “Ya Rasulullah, tunjukkanlah aku akan sedekat jalan kepada Allah dan sesenang-senangnyanya atas hamba-Nya dan yang paling di sisi-Nya.”

Maka berkata Nabi saw : “Hendaklah engkau perbanyakkan zikir kepada Allah dalam keadaan sunyi dan terang.”

Maka berkata Ali: “Setiap manusia berzikir, maka khususkan bagiku sesuatu.”

Berkata Rasulullah saw : “Semulia apa yang aku katakan dan Nabi-Nabi sebelum daripada aku ialah ‘La Ilaha Illallah’, dan sekiranya sekalian langit dan bumi diletakkan dalam satu daun neraca dan ‘La Ilaha Illallah’ di dalam daun neraca yang lain maka akan lebih

berat neraca yang diisi oleh 'La Ilaha Illallah', dan tidak berlaku kiamat selagi ada di atas muka bumi ini yang mengatakan 'Laa Ilaaha Illallah'.

Selepas itu berkata Ali: "Maka bagaimana aku menyebutnya."

Berkata Nabi Muhammad s.a.w.: "Pejamkan matamu dan dengar daripadaku 'La Ilaha Illallah' tiga kali selepas itu katakan tiga kali dan aku mendengar."

Selepas itu Saiyidina Ali membuat sedemikian dengan mengangkat suaranya.

Tariqah tidak sekali-kali mengajar bahawa dengan ucapan tahlil tanpa solat, puasa, zakat dan haji sudah memadai untuk mendekati Allah. Pengakuan tauhid tanpa pelaksanaan syar'iat bukanlah pengajaran mursyid tarekat. Ilmu Tasawuf mengajarkan daripada pengamalannya bahawa riadhah atau latihan amalan sahaja tidak dapat memberi bekas dan faedah juga tidak mendekati hamba kepada Allah, selama riyadhah itu tidak sesuai dengan syar'iat dan sejalan dengan Sunnah Nabi saw. Sheikh Abul Qasim Junaid al Baghdadi berkata bahawa semua tarekat itu tertutup bagi manusia kecuali bagi mereka yang mengikuti jejak Rasulullah saw.

TUJUAN TARIQAH

Sesuai dengan fitrah dan perkembangan keyakinan manusia, golongan sufi membahagikan ilmu dan amal kepada empat tingkatan, iaitu syar'iat, tariqah, hakikat dan ma'rifat. Walaupun ada golongan yang membahagikan ilmu bathin itu atas pembahagian lain, seperti hidayat dan nihayat, tetapi pembahagian yang selalu kita jumpai adalah yang empat macam itu.

Tiada seorang ulama sufi pun yang ajarannya dan tariqahnya beroleh pengiktirafan mu'tabarrah membolehkan penganut-penganutnya mengerjakan hanya salah satu sahaja dari keempat

bahagian itu. Mereka berkata bahawa pelaksanaan agama Islam tidak akan sempurna selagi keempat-empat bahagian tidak terlaksana. Justeru, tidak dapat berhenti pada syar'iat sahaja, atau mengambil tarekat tanpa syar'iat. Syeikh Najmuddin al Kubra membandingkan syar'iat itu dengan kapal, tariqah itu lautan, hakikat itu mutiara, orang tidak dapat mencapai mutiara dengan tanpa menaiki kapal dan melalui lautan.

Tariqah menjuruskan manusia ke matlamat atau tujuan akhir yang murni iaitu bertaqarub kepada Pencipta Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Lalu tariqah yang mu'tabarrah harus memiliki lima dasar berikut:

1. Menuntut ilmu untuk dilaksanakan perintah Tuhan
2. Mendampingi guru dan teman setarekat untuk mendalami
3. Meninggalkan rukhsah dan ta'wil untuk kesungguhan
4. Mengisi semua waktu dengan doa dan wirid
5. Mengekang nafsu tercela daripada niat salah dan untuk keselamatan

MURSYID DALAM TARIQAH

Mursyid atau dikenal juga dengan syeikh atau guru mempunyai kedudukan yang penting dalam tariqah. Tugasnya bukan sekadar memimpin dan mengawasi murid-muridnya dalam kehidupan zahir dan pergaulan seharian agar tidak menyimpang dari ajaran Islam dan terjerumus kepada maksiat, tetapi ia merupakan pemimpin kerohanian kedudukannya tinggi dalam tariqah.

Oleh itu jabatan mursyid ini tidaklah dapat dipangku oleh sebarang orang, meskipun ia menguasai kelengkapan pengetahuan tentang sesuatu tariqah. Yang utama seseorang itu harus mempunyai kebersihan rohani dan kehidupan bathin yang murni serta pengamal dan pendorong syar'iat Islam.

Barangsiapa yang mengamalkan tarekat tetapi tidak mengambil dari ayah dan nenek moyangnya (silsilah) ia tertolak dan tidak diakui. Perkataannya merupakan keterangan yang tidak diterima bahkan ia akan dianggap bukan keturunan ayahnya, malahan ia boleh termasuk sebagai orang yang dimaksudkan oleh Rasulullah saw apabila beliau bersabda (maksudnya):

Dilaknat Allah barangsiapa yang mengambil keturunan yang bukan dari ayahnya.

Di dalam lafaz yang lain al Bukhari meriwayatkan Rasulullah saw bersabda yang membawa erti:

Termasuk dari dosa yang besar seseorang itu dipanggil dari bukan keturunan bapanya.

Berkata Imam Sya'rani dalam kitab al Anwarul Qudsiyyah:

Telah sepakat ulama tarekat tentang wajibnya mengambil seorang manusia yang menjadi Syeikh itu, pemberi petunjuk kepada muridnya mengenai usaha menghilangkan segala sifat-sifat yang mencegah dia daripada mendekati Tuhannya dengan seluruh hati, agar sempurna solat dan ibadah-ibadahnya yang lain. Perkara ini termasuk sebagai pokok aturan hukum, sebagaimana kaedah usulul fiqh: *“Sesuatu yang tidak sempurna wajib melainkan dengan dia, maka sesuatu itu menjadi wajiblah hukumnya.”* Satu perkara yang tidak diragu-ragukan lagi ialah bahawa mengubati penyakit bathin itu wajib hukumnya sebagaimana tersebut keterangannya dalam banyak firman Allah dan hadis Rasul.

Allah swt berfirman:

“Di dalam hati mereka (golongan yang munafik itu) terdapat penyakit (syak dan hasad dengki), maka Allah tambahkan lagi

penyakit itu pada mereka, dan mereka pula akan beroleh azab siksa yang tidak terperi sakitnya, dengan sebab mereka berdusta (dan mendustakan kebenaran).

(Al Baqarah: 2:10)

Allah s.w.t. berfirman:

وَأَمَّا الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ فَزَادَتْهُمْ رِجْسًا
إِلَىٰ رِجْسِهِمْ وَمَاتُوا وَهُمْ كَافِرُونَ

“Adapun orang-orang yang ada penyakit (kufur) dalam hati mereka maka bertambahlah kekotoran (kufur) atas kekotoran (kufur) yang ada pada mereka dan mereka mati, sedang mereka berkeadaan kafir.

(At Taubah 9:125)

Allah berfirman:

وَذَرُوا ظَهْرَ الْإِثْمِ وَبَاطِنَهُ إِنَّ الَّذِينَ يَكْسِبُونَ الْإِثْمَ
سَيَجْزُونَ بِمَا كَانُوا يَفْرُونَ

“Dan tinggalkanlah dosa yang nyata dan yang tersembunyi.

(An'aam 6:120)

Tiap-tiap orang yang tidak mempunyai syeikh (mursyid) yang memberi bimbingan kepada jalan keluar dari sifat-sifat (mazmumah) tersebut maka dia dianggap maksiat kepada Allah dan Rasulnya kerana dia tidak dapat petunjuk mengenai jalan mengubatinya walaupun ia kerjakan segala perkara yang bersifat taklif.

Orang-orang salaf yang hidup pada zaman Nabi, Sahabat dan tabi'in semuanya sependapat bahawa orang yang demikian tidak akan termasuk sebagai sebahagian daripada golongan mereka. Mereka juga tidak wajar memberi talqin zikir atau menerangkan sesuatu tentang tariqah. Hakikatnya, tariqah mengikat hati

setengah sahabat dengan sahabat yang lain sampai kepada Rasulullah *saw* dan akhirnya kepada Allah Jalla Jalalahu.

Sesungguhnya Allah *swt* menjadikan untuk hamba-hambanya berbagai sebab agar jiwa manusia semuanya berhubungan dengan Dia, Tuhan yang bersifat Rabbaniyah.

Perhubungan ini dapat dicapai dengan talkin dan taklim daripada syeikh yang sudah mempunyai ijazah yang sah yang menjadi dasar atau sanad sampai kepada junjungan kita, Nabi Muhammad *saw*. Oleh kerana itu ajaran zikir tidak akan memberi faedah yang sempurna melainkan dengan talkin.

Syeikh Abdullah as Silmi telah berkata bahawa ucapan Rasulullah *saw* tentang kebahagiaan orang yang melihatnya dan orang yang melihat orang yang melihatnya itu bererti barakah dan musyahadah sebagaimana musyahadah mereka dengan sahabat-sahabat.

Demikianlah dari zaman ke zaman berpindahan sampai kepada ahli nikmat dan auliya Allah dalam segala zaman, semua memperolehi kesan pandangan yang penuh hikmah dan penuh musyahadah itu. Semua berasal daripada junjungan Nabi Muhammad *saw* sampai kepada sahabat-sahabatnya. Zaman itu berbeza tetapi corak hal dan keadaan itu sama. Demikian kesan pandangan ini daripada guru kepada murid-murid sampai ke akhir masa kerana sandaran atau isnad sama dengan isnad hukum sedangkan silsilah sama dengan pelaksanaan guru-guru ilmu ketuhanan.

Maka guru-guru atau syeikh merupakan tariqah atau jalan kepada Allah, petunjuk terhadap liku-liku jalan itu. Mereka merupakan kunci terakhir yang akan membawa murid-murid mereka masuk menempuh jalan mencapai Tuhan.

Di sinilah timbulnya keperluan murid kepada seorang syeikh. Setiap orang yang tidak inginkan sesat memerlukan petunjuk jalan yang benar, terkecuali mereka yang sudah memperolehi penjagaan Allah. Kepada mereka itu telah dianugerahkan

pendidikan. Kepada mereka telah diberikan ilham untuk menghindar diri daripada syaitan dan pengaruh hawa nafsu. Contoh-contoh manusia terpilih ini ialah di antara lain Nabi Muhammad saw, dan nabi-nabi lain, Uwais al Qarni dan auliya Allah yang telah dikurnia sepenuh Rahmat.

Tidak ada siapa yang dapat menafikan bahawa Nabi Muhammad saw merupakan puncak kemenangan, kekayaan, keselamatan dan keindahan.

Semua itu diambil oleh Sahabat kemudian oleh Tabi'in, kemudian oleh Tabi'it Tabi'in dari abad ke abad, masa demi masa. Selalu sahaja ada wali-wali Allah, Shiddiqin dan Abdal yang meneruskan penyambungan ini berbentuk seorang murid dengan gurunya. Contoh-contohnya seperti Hasan al Basri dengan muridnya, 'Utbah al Ghulam; Sirri as Saqati dengan budak suruhannya dan anak saudaranya Abul Qasim al Baghdadi dan lain-lain.

Tidak ada Nabi melainkan ada baginya Sahabat yang mengambil petunjuk daripadanya dengan menimba pelajaran-pelajaran dan yang mengikuti perjalanannya serta memperolehi petunjuk daripada limpahan ilmunya.

Pengikut itu kemudian berdiri di titik penyambungan, meneruskan perjalanan dan pekerjaan gurunya dari butir-butir pendirian yang teguh, yang telah diperolehi daripada gurunya.

Demikian Allah swt berfirman dengan tidak putus-putus di dalam kitab suciNya, seperti firman Allah swt :

إِنَّهَا وَلِيَكُمُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَالَّذِينَ آمَنُوا الَّذِينَ
يُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَهُمْ رَاكِعُونَ ﴿٥٥﴾ وَمَنْ يَتَّبِعِ اللَّهَ
وَرَسُولَهُ وَالَّذِينَ آمَنُوا فَإِنَّ حِزْبَ اللَّهِ هُمُ الْغَالِبُونَ

“Sesungguhnya penolong kamu hanyalah Allah, dan Rasul-Nya, serta orang-orang yang beriman, yang mendirikan sembahyang, dan menunaikan zakat, sedang mereka ruku’ (tunduk menjunjung perintah Allah). Dan sesiapa yang menjadikan Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang yang beriman itu penolongnya, maka sesungguhnya pengikut Allah itulah tetap berjaya.”

(Al Maa’idah 5:55-56)

TALQIN DAN BAI’AH

Talqin ialah peringatan seorang guru kepada muridnya sedangkan bai’at yang juga dinamakan ahad ialah kesanggupan dan kesetiaan seorang murid di hadapan gurunya untuk mengamalkan dan mengerjakan segala amalan dan kebajikan yang diperintahkan oleh guru.

Terdapat banyak sekali hadis yang menerangkan peristiwa Nabi saw mengambil ahad pada waktu membai’at sahabat-sahabat beliau.

Diriwayatkan oleh Ahmad at Tabrani dari Syaddad ibn Aus bahawa Rasulullah saw pernah mentalkinkan sahabat-sahabat beliau secara berkumpulan dan juga secara perseorangan.

أَنَا لِعِنْدَ النَّبِيِّ ﷺ إِذْ قَالَ: هَلْ فِيكُمْ غَرِيبٌ يَعْنِي مِنْ
 أَهْلِ الْكِتَابِ فَقُلْتُ: لَا، فَأَمَرَ بِغَلْقِ الْبَابِ وَقَالَ:
 ارْقَعُوا أَيْدِيَكُمْ وَقُولُوا لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، ثُمَّ قَالَ: الْحَمْدُ لِلَّهِ
 اللَّهُمَّ إِنَّكَ بَعَثْتَنِي بِهَذِهِ الْكَلِمَةِ وَوَعَدْتَنِي عَلَيْهَا الْجَنَّةَ
 وَإِنَّكَ لَا تَخْلِفُ الْمِيعَادَ، ثُمَّ قَالَ: أَبَشِّرُوا فَإِنَّ اللَّهَ قَدْ
 غَفَرَ لَكُمْ

“Pada suatu ketika kami berada dekat Nabi saw dan beliau bersabda, bermaksud: “Adakah di antara kamu orang asing?” (yakni dari golongan ahli kitab). Maka jawab saya: “Tidak ada”. Lalu Rasulullah saw menyuruh menutup pintu dan berkata: “Angkat tanganmu dan ucapkanlah ‘Laa Ilaaha Illallah’, lantas beliau menyambung, segala puji bagi Allah, wahai Tuhanku! Engkau telah mengutus aku dengan kalimat ini dan Engkau menjadikan dengan ucapannya kurnia syurga kepadaku dan bahawa Engkau tidak sekali-kali memungkiri janji.” Kemudian beliau berkata: “Ketahuilah, gembiralah sesungguhnya Allah telah mengampuni kamu semua.”

Seterusnya Allah berfirman:

فَأَسْتَبِشِرُوا
بِئَيْعِكُمُ الَّذِي بَايَعْتُمْ بِهِ ۗ وَذَلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ

“Maka bergembiralah kamu dengan bai’atmu, yang kamu telah lakukan itu adalah kejayaan yang agung.”

(At Taubah 9:111)

Tentang bai’ah perseorangan sudah diberi contoh di atas menerusi hadis riwayat at Tabrani dan al Bazzar yang menjelaskan cara Rasulullah saw membai’atkan Saiyidina Ali.

Adapun talqin zikir hati yang bersifat bathiniyah dilakukan dengan isbat dan bukan dengan nafi, seperti yang difirmankan Allah swt :

قُلِ اللَّهُ ثُمَّ ذَرْهُمْ فِي خَوْضِهِمْ يَلْعَبُونَ

“Katakan (kepada mereka) “Allah”, kemudian biarkan mereka leka bermain-main dalam kesesatan mereka.

(Al An’aam 6:91)

Sabda Rasulullah saw yang diriwayatkan oleh Muslim dari Ibn Mas'ud:

لَا تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّى لَا يُقَالَ فِي الْأَرْضِ اللَّهُ اللَّهُ

“Tidak berlaku kiamat sehingga tiada dikatakan di atas bumi Allah, Allah.”

Ini adalah cara yang pernah dipelajari dan diambil oleh Sayidina Abu Bakar *ra* secara rahsia (mengisikan pada perasaannya) daripada Nabi saw dan inilah zikir yang boleh meresap teguh sampai ke dalam hati.

Kerana inilah Nabi saw memuji Saidina Abu Bakar *ra* bukan kerana terutamanya banyak puasa dan solat tetapi kerana sesuatu yang terhunjam ke dalam hatinya.

Allah s.w.t. berfirman:

الَّذِينَ آمَنُوا وَتَطْمَئِنُّ
قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ

“Orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah, ketahuilah dengan zikrullah itu, tenang tenteramlah hati (manusia).”

(Ar Ra'd 13:28)

Jalan atau tarekat yang dua cara ini, iaitu zikir jahar dan zikir khafi, adalah pokok daripada semua tariqah, kemudian tersiarlah secara perinciannya dengan kurnia Tuhan Yang Maha Pemurah.

ADAB MURID

Pengikut sesuatu tariqah dinamakan *murid*, iaitu mereka yang mencari pengetahuan dan petunjuk dalam segala amal ibadah. Murid tidak hanya berkewajipan mempelajari segala sesuatu yang diajarkan, atau melakukan sesuatu latihan yang diarahkan

gurunya, malah ia harus sentiasa patuh kepada akhlak dan adab yang ditentukan kepadanya. Perlakuan amal ibadah, riyadhah dan akhlak itu dituntun dengan teliti oleh mursyid tariqah itu. Berhasil atau sebaliknya perjalanan suluk tariqah yang ditempuhi bergantung kepada keperibadian murid. Walau bagaimanapun ketaatan kepada guru itu berlaku selagi guru itu mengikut syariat Allah *swt*. Dan rasulNya kerana tiada ketaatan kepada seseorang dalam perkara maksiat.

SEJARAH TARIQAH

Islam merupakan agama lengkap yang menjangkau segala aspek hidup, sama ada dalam menyediakan keperluan manusia berpartisipasi di arena kehidupan di dunia ini, mahupun dalam menyiapkan garispandu untuk mencapai kejayaan hidup di akhirat, iaitu suatu kehidupan yang hakiki. Dari segi apapun kita lihat agama yang diwahyukan Allah *swt* ini, tidak dapat kita nafikan bahawa penekanannya adalah kepada suatu kehidupan yang bukan di dunia fizikal atau kebendaan ini. Walaupun tidak sekali-kali Islam menyuruh manusia meninggalkan perben-daharaan Allah *swt* yang terdapat di dunia ini. Tujuan hidup manusia, sesuai dengan fungsinya sebagai Khalifah Allah *swt* di muka bumi ini, adalah mencurahkan pengabdian yang tidak berbelah bagi terhadap Penciptanya. Bersesuaian pula dengan tujuan akhirnya iaitu berusaha meningkatkan rohaninya kembali ke tahap kesempurnaan untuk diserahkan semula kepada Khaliqnya.

Allah *swt* mengingatkan sesuatu yang telah dilenyapkan dari diri manusia semasa lahirnya ke dunia ini dengan firmanNya:

وَإِذْ أَخَذْنَا مِنْ بُنَيِّ أَدَمَ مِنْ ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَأَشْهَدَهُمْ
عَلَىٰ أَنْفُسِهِمْ أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ قَالُوا بَلَىٰ شَهِدْنَا أَن تَقُولُوا يَوْمَ
الْقِيَامَةِ إِنَّا كُنَّا عَنْ هَذَا غَافِلِينَ

“Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu mengeluarkan keturunan anak-anak Adam dari sulbi mereka dan Allah mengambil kesaksian terhadap jiwa mereka (seraya berfirman): “Bukankah Aku Tuhanmu?” Mereka menjawab: “Betul (Engkau Tuhan kami), kami menjadi saksi.” (Kami lakukan yang demikian itu) agar di hari kiamat kamu tidak mengatakan: “Sesungguhnya kami (bani Adam) adalah orang-orang yang lengah terhadap ini (keesaan Tuhan).”

(Al A'raaf 7:172)

Amanah dan risalah agama Tauhid ini terus berkembang turun-temurun melalui utusan-utusan suci dan mulia para Anbiya dan Mursalin sehingga diserahkan kepada Utusan Termulia, junjungan kita Nabi Muhammad saw.

Dalam segala qudwa yang dipaparkan untuk umatnya yang begitu dikasihi, baik musyahadahnya, ibadahnya, mujahadahnya, muraqabahya dan segala yang lain, Baginda tetap menunjukkan ke hala yang tidak lain iaitu taqwallah dan mahabatullah. Apa yang diberatkan dari mesej Nabi saw tidak lain dari mengutamakan pembangunan dalaman manusia itu iaitu rohaninya.

Sejak sebelum diangkat sebagai Rasul saw telah merasakan kehilangan sesuatu dalam kehidupan masyarakatnya sendiri. Kehidupan yang serakah, penuh penindasan dan keruntuhan akhlak itu terasa menjerat nafas kemanusiaan. Maka berbisiklah rohaninya manusia meminta diisi dengan sesuatu yang hak dan indah, yang tidak terlihat pada keperibadian bangsanya masa itu. Pergilah Baginda jauh dari kesibukan dan kebingitan jahiliah untuk menyendiri dan bertafakur di Gua Hira. Amalan itu sendiri memerlukan kekuatan fizikal dan rohani, tetapi yang menghairankan ia menawarkan suatu kepuasan dan keindahan rohani yang membuatnya semakin kerap menyendiri. Akhirnya tibalah masa pertabalannya sebagai Rasulullah dengan perantaraan Jibril as wahyu Allah swt diturunkan berterusan selama dua puluh tiga tahun untuk melengkapkan tugas kenabian,

dan membimbing manusia ke jalan yang lurus dan meletakkan Islam di persada yang sebenarnya.

Ajaran dasar yang beliau terima adalah tauhid. Iaitu ajaran yang memerintahkan manusia mengesakan Tuhannya. Diikuti pula dengan pelaksanaan penghambaan melalui peraturan-peraturan agama atau syari'at seperti yang tercangkup dalam rukun Islam. Melalui contoh hidup beliau, Rasulullah saw menjadi petunjuk terbaik dalam pelaksanaan ajaran-ajaran yang diwahyukan Tuhan itu.

Setelah berhijrah ke Madinah, apa yang menyerlah adalah mutu umat yang dibentuk pada awal kedatangan Islam yang terdiri dari kaum Muhajirin dan sebahagian kaum Ansar. Pemilik-pemilik rohani yang utuh itulah yang menjadi tunggak pendokong perjuangan Rasulullah saw. Di Madinahlah bermulanya system pemerintahan Islam yang dipelopori oleh Rasulullah saw bukan sahaja sebagai kepala negara malah seorang panglima perang, penasihat ekonomi, hakim tertinggi dan sebagainya. Sungguhpun telah menjadi ketua negara, beliau tetap menjalani kehidupan sederhana. Prioritinya masih sama, beliau tetap banyak beribadah dan mendekatkan diri kepada Tuhan tanpa menghirau kebendaan. Hidup zuhud adalah satu kebiasaan, malah berpuasa tanpa berbuka juga satu lumrah. Bagi Rasulullah saw dan keluarganya keredhaan dan cinta Allah swt adalah tujuan mereka. Namun, Rasulullah saw tidak pula mahu umatnya meninggalkan kehidupan dunia ini. Beliau juga bertanggungjawab memperbaiki kedudukan ekonomi umat Islam Madinah melalui galakan berniaga secara jujur dan mencari rezeki halal untuk menampung kehidupan keluarga umatnya.

Contoh kezuhudan Rasulullah saw adalah satu tarikan pula buat sebahagian besar para sahabat, terutama Saidina Abu Bakar ra, Saidina Umar ra, Saidina Usman ra, Saidina Ali kw, Abu Dzar al Ghiffari ra, Abu Hurairah ra dan ramai lagi.

Saiyidina Abu Bakar ra telah diangkat menjadi khalifah sebagai pengganti Nabi Muhammad saw dalam memimpin

Madinah meninggalkan segala perdagangannya agar dapat memusatkan perhatiannya pada kepentingan umat Islam. Sungguhpun sudah menjadi ketua negara, beliau cukup sederhana dan menggunakan wang baitul mal hanya untuk keperluan dasarnya.

Semasa pemerintahan Saiyidina Umar *ra* empayar Islam bertambah luas. Penaklukan Byzantium, Mesir, Filastin, Syria, Iraq dan Farsi telah membuka pintu kekuasaan dan kekayaan yang belum pernah difikirkan oleh umat Islam. Semua itu tidak dapat menggugah keperibadian Amirul Mukminun. Seperti Saiyidina Abu Bakar, Saiyidina Umar tidak pernah mencitarasakan kemewahan duniawi yang sementara itu, cahaya petunjuk Rasulullah *saw* telah meresap ke dalam jiwanya, dan itu merupakan suatu sinar keindahan yang tidak dapat diganggu oleh kekuasaan dan kekayaan yang bersifat sementara. Begitulah, Nabi Muhammad *saw* beserta para Sahabat dekatnya zahid dari dunia kebendaan dan menjalani hidup sederhana serta banyak melakukan ibadah.

Sebaliknya, setelah beralalu masa Khulafaur Rashidun dan kerajaan Bani Umayyah berdiri, hampir semua para khalifah yang menduduki takhta telah meninggalkan kezahidan dan hidup sederhana. Mereka telah terpesona oleh kehidupan mewah dan kekuasaan sehingga berani melakukan perbuatan-perbuatan yang tidak sehalal dengan Sunnah Nabi Muhammad *saw*.

Sebenarnya, pembunuhan yang terjadi terhadap Saiyidina Usman *ra* dan pertentangan politik serta peperangan yang terjadi antara kaum Muslimin dalam pemerintahan Saiyidina Ali *kw* telah melahirkan segolongan umat yang menjauhkan diri dari masyarakat yang kacau itu. Mereka lihat pertumpahan darah sesama Muslim tidak sejajar dengan Sunnah Rasulullah *saw*, bahkan bertentangan dengan ajaran al Quran. Mereka melihat dosa semakin banyak dilakukan dan terasa perlu disisih kehidupan yang membawa kehancuran umat. Dalam mengasingkan diri dari itu mereka melaksanakan banyak ibadah.

Mereka ini disebut Mu'tazilah yang berasal dari kata l'tazala (mengasingkan diri). Dalam sejarah mereka dikenal dengan Mu'tazilah Pertama untuk membezakan dari Mu'tazilah Kedua yang ditimbulkan Wasil Ibn 'Ata', Mu'tazilah Pertama lahir kerana masalah politik, sedang Mu'tazilah Kedua timbul kerana masalah aqidah.

Perubahan sosio-ekonomi dan politik pada zaman pemerintahan Bani Umayyah adalah titik tolak pelancaran suatu aliran zuhud dan mengutamakan pembinaan rohani dalam Islam. Sebenarnya aliran itu tidak berniat untuk mengemukakan sesuatu yang baru atau di luar lingkungan ad Dinul Islam. Mereka hanya merasa terharu dengan perpecahan umat yang berlaku pada ketika itu, dan merindui suasana kehidupan yang murni yang penuh dengan pembaktian terhadap Allah *swt*. Suasana seperti yang dianjurkan oleh Rasulullah *saw* dan para Sahabat telah dicemari dengan kepentingan dunia dan diri sendiri.

Pada penghujung pemerintahan Bani Umayyah, Islam telah meluas ke seluruh wilayah Arab, Syria, Iraq, Mesir hingga ke sempadan Sepanyol dan menjangkau hingga ke Asia Tengah dan India. Terbawa bersama perluasan wilayah itu, suatu aliran yang mempunyai ciri dan dimensi intelek yang unik. Kota-kota wilayah Arab menjadi pusat dakwah dan mengecap kemewahan yang dibawa bersama tamadun Islam yang baru itu.

Pada masa kebelakangan pemerintahan Bani Umayyah menemukan pula ramai lagi para zuhud yang mula bertumpu di Basrah dan Kufah, pusat-pusat yang terkenal dengan kepesatan aktiviti saintifik dan budaya pada abad ke 2H/8M. Golongan Sufi mengiktiraf al Hasan al Basri (w. 728M) sebagai penggerak Sufi yang terulung.

Masa berikutan dengan pemerintahan Abbasiyyah mewakili fasa seterusnya dalam kebangkitan golongan Sufi. Dengan perkembangan pada masyarakat Islam sendiri dan disebabkan oleh reaksi semulajadi, pergerakan itu terserlah dengan cirri-ciri tertentu. Boleh dikenal tiga tren pembangunan Sufi waktu itu.

Pertama ialah evolusi fahaman Sufi dari prinsip-prinsip akhlak yang mudah mula terbentuk konsep-konsep kerohanian. Yang kedua adalah Sufi, terdesak oleh bangkangan pihak Fuqaha, maka tersemai perasaan kemasyarakatan di kalangan mereka. Ciri yang ketiga adalah perubahan tekanan dari Sufiyyah ke Tariqah dan melaluinya pergerakan Sufi mendapat taraf yang penting dalam masyarakat Islam.

Dari abad ke 3H/9M, pergerakan yang berasaskan kezuhudan itu mula merasai perubahan, walaupun secara perlahan-lahan. Dengan peningkatan aktiviti intelektual dan kreatif yang menandakan abad pertama pemerintahan Bani Abbasiyyah, sempadan Sufi mula melebar dari perlakuan zuhud ke peringkat ma'rifat yang lebih mendalam. Ahli sejarah menetapkan Syekh Ma'ruf al Karkhi (w. 815M) sebagai ulama Sufi yang mengemukakan aliran ini. Ucapan-ucapan yang berkisar pada ma'rifat al Karkhi mengandungi unsur padu dan ciri kesufian yang kekal hingga hari ini. Aliran ini juga diwakili oleh Abu Sulaiman ad Darani (w. 830M) dan Dhunnun al Misri (w. 861M) yang mencapai tahap pembangunan yang tinggi dalam setengah abad yang meliputi pemerintahan al Ma'mun, al Mu'tasim, al Wathiq dan al Mutawakkil antara 198H/813M hingga 247H/861M. Keterangan lanjut pemikiran Sufi dapat dilihat pula dengan ketrampilan Abu Yazid al Bustami (w. 875M), Junaid al Baghdadi (w. 910M), Mansur al Hallaj (w. 922M) dan al Hakim al Tirmidhi (w. 893M).

Bangkangan golongan Fuqaha pula semakin hangat dan dapat dirasakan oleh kumpulan Sufi itu. Ini tidaklah ditujukan kepada golongan Zahid kerana dianggap amalan mereka bersesuaian dengan ajaran al Quran dan perbezaannya hanya dari segi penekanan. Tetapi golongan Fuqaha menganggap perkembangan di bidang esoteric ma'rifat agak mengancam dan perlu dihapuskan. Tambahan golongan Sufi tersebut tidak begitu mengancam dan perlu dihapuskan. Tambahan golongan Sufi tersebut tidak begitu menghiraukan kuasa yang diberikan kepada pihak Fuqaha sebagai pengamat Syar'iah.

Tekanan yang paling terasa adalah semasa pemerintahan al Mutawakkil pada tahun 847M. Akibatnya, pemimpin-pemimpin Sufi melepaskan diri mereka dari kongkongan ulama Fuqaha dan berlakulah satu konflik terbuka di antara dua golongan itu. Tindakan itu berakhir dengan penghukuman mati ke atas al Hallaj pada 922M.

Abad ke 4H/10M merupakan masa pergolakan yang kurang memberi ketenteraman kepada pergerakan Sufi. Ia memerlukan sesuatu ilham baru yang berupaya membawanya keluar dari kemelut fahaman dan menemukan kesegaran ide dan pemikiran. Seterusnya abad ke 4H/10M melihat kebangkitan peribadi-peribadi pemikir kreatif dan teoris Sufi terkemuka yang melahirkan karya-karya sistematik dalam bidang teori, amalan dan sejarah Tarekat, dan yang menetapkan bidang pergerakan itu dan menjamin kekayaan warisannya. Antara karya-karya yang terkenal pada waktu itu ialah *Al-Luma'* oleh as Sarraj (w. 988M), *Qutul Qulub* oleh Abu Talib al Makki (w. 996M) dan *Ta'arruf* oleh Kalabadhi (w. 1000M). Karya-karya biografi Abu Said Ibn 'Arabi (w. 952M) dan Abu Muhammad al Khuldi (w. 959M) pula tidak dapat diselamatkan.

Kemunculan al Ghazali (w. 1111M) pula menguatkan dan mendokong usaha pemikir-pemikir Sufi terdahulu. Beliau bertanggungjawab menyerapkan ilmu tasawuf dalam pemikiran dasar ilmu tafsir dan seterusnya menguatkan pengalamannya dalam tariqah. Walaupun kemasukan al Ghazali dan sokongannya terhadap perjuangan tasawuf pada mulanya ditentang oleh golongan Fuqaha, tetapi kesan akhirnya menentukan tolak ansur antara dua golongan itu.

Pergerakan Sufi, seperti pergerakan yang serupa dalam sejarah, memperoleh kekuatannya sebagai kuasa yang praktikal dan hidup berbanding dengan pembentangan andaian-andaian.

Tren yang berdasar luas dalam pergerakan Tariqah di masa pemerintahan Bani Abbasiyyah telah menarik ramai pengikut yang mempunyai latar belakang kehidupan yang berbeza.

Kemudian perkembangannya berlaku begitu cepat. Di masa al Ghazali, tariqah mencapai ekspresi yang lebih sistematis sebagai alat penyampaian Sufi. Dua faktor bertanggungjawab memelopori fenomena ini, iaitu Syeikh Tariqah dan para pengikutnya. Ahli kumpulan fuqara ini meletakkan diri mereka di bawah asuhan Syeikh mereka dengan mengambil bai'ah sebagai murid.

Walaupun al Ghazali dan al Qusyairi mendokong perjuangan Tariqah sebagai institusi sosial, kerohanian dan etika yang sihat, tetapi mereka mengancam penyelewengan yang berlaku pada masa mereka. Al Ghazali mengancam penyeleweng-penyeleweng yang berpura-pura dan mengambil kesempatan untuk tujuan peribadi. Dalam *Ihya Ulumiddin*, al Ghazali secara lantang mengancam perlakuan tersebut.

